



KENYATAAN MEDIA

19 Jun 2020

Permodalan Nasional Berhad (PNB) merujuk kepada kenyataan umum oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bertarikh 18 Jun 2020 berkenaan pelantikan mantan Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB.

PNB memandang serius kenyataan umum tersebut, dan ingin menyatakan bahawa pasukan siasatan telah ditubuhkan untuk menyiasat perkara ini. Respon awal telah diberikan kepada SC hari ini, dan maklum balas terperinci akan dikemukakan kepada SC setelah selesai siasatan dalam masa terdekat.

PNB akan terus memberi kerjasama penuh kepada SC dan mana-mana badan kawal selia yang berkenaan berhubung perkara ini, seperti yang telah PNB lakukan dalam semua urusan sebelum ini.

-Tamat-

Diterbitkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB)